

KADAR ASAS STANDARD (KAS)

(berkuatkuasa pada 1 Ogos 2022)

SOALAN	JAWAPAN
1. Apakah Kadar Asas Standard (KAS)?	<ol style="list-style-type: none">1. Kadar Asas Standard (KAS) ialah satu kadar asas yang sama yang akan digunapakai oleh semua bank komersial berkuatkuasa pada 1 Ogos 2022.2. Ia ditanda aras dengan Kadar Dasar Semalaman (OPR).<ul style="list-style-type: none">• OPR semasa ialah 2.25%; oleh itu, KAS ialah 2.25%3. Ia akan bergerak seiring dengan perubahan OPR dan pergerakan itu akan berlaku dalam masa 7 hari selepas perubahan OPR.<ul style="list-style-type: none">• Jika OPR meningkat sebanyak 25bps kepada 2.50%, KAS juga akan meningkat sebanyak 25bps kepada 2.50% dalam tempoh 7 hari dari tarikh perubahan OPR.
2. Bagaimanakah Kadar Asas Standard (KAS) memberi kesan kepada Pengguna?	<ol style="list-style-type: none">1. KAS digunapakai oleh pinjaman konvensional dan pembiayaan Islamik yang disandarkan pada kadar /rujukan asas.2. Berkuatkuasa pada 1 Ogos 2022, KAS digunakan untuk semua pinjaman/pembiayaan runcit sama ada yang baharu, pembiayaan semula. Ia juga digunakan untuk pembaharuan pinjaman/pembiayaan kemudahan kredit pusingan..
3. Apakah yang akan berlaku kepada Kadar Asas (KA)/Kadar Asas Islamik (KAI) semasa?	<p>Berkuatkuasa pada 1 Ogos 2022, Kadar Asas (KA)/Kadar Asas Islamik (KAI) akan bergerak seiring dan pada kuantum yang sama dengan KAS/OPR. Sebagai contoh jika OPR meningkat sebanyak 25bps daripada 2.25% kepada 2.50%, maka KAS akan meningkat sebanyak 25bps daripada 2.25% kepada 2.50%. KA/KAI dan KPA/KPA juga akan meningkat sebanyak 25bps daripada 2.25% kepada 2.50% dan daripada 5.90% kepada 6.15%.</p>
4. Bagaimana dengan pinjaman/pembiayaan sedia ada yang disandarkan kepada KA/KAI dan KPA/KPA?	<p>Kadar faedah/keuntungan ke atas pinjaman/pembiayaan sedia ada yang disandarkan kepada KA/KAI dan KPA/KPA tidak akan berubah kecuali jika ada perubahan pada OPR.</p>